

08/02/1998

Semua wajar patuhi nasihat

KUALA SELANGOR: Semua pemimpin Umno di Selangor wajar mematuhi nasihat Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya tidak bertanding dalam pemilihan peringkat bahagian, Mac ini.

Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, berkata langkah itu perlu bagi mengatasi masalah politik wang, di samping menangani kegawatan ekonomi negara.

"Jika Presiden menasihatkan supaya tidak berlaku pertandingan dalam pemilihan kali ini dan masih ada yang tidak mahu mematuhi, nasihat siapa lagi yang hendak kita ikut," katanya di majlis rumah terbuka Umno bahagian Kuala Selangor di sini, semalam.

Rumah terbuka sempena Aidilfitri dan Tahun Baru Cina itu diadakan bersama Abu Hassan, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Permatang; Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Jamaluddin Adnan; dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Jeram, Mesrah Selamat.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor berkata, semua pimpinan Umno di peringkat bahagian di Selangor sudah cukup matang dalam arena politik dan tiada sebab mereka menyanggah nasihat presiden parti.

"Walaupun nasihat itu bukan arahan, tetapi wajar dipatuhi kerana beliau (Dr Mahathir) adalah pemimpin kita dan kalau kita masih tidak mahu akur kepada nasihatnya, apa akan jadi pada parti," katanya.

Sehubungan itu, katanya, Umno bahagian Kuala Selangor akan mengadakan majlis perasmian mesyuarat tahunan 60 cawangan serentak pada 1 Mac ini manakala mesyuarat perwakilan bahagian, 15 Mac.

Katanya, mesyuarat perwakilan pergerakan pemuda dan pergerakan wanita bahagian itu akan diadakan, 8 Mac ini.

(END)